

# **ISLAM DAN PERUBATAN: SATU KAJIAN UMUM MENGENAI TIB NABAWI**

Oleh  
Mohd. Muhiden B. Abd. Rahman\*

## **Abstract**

*The article attempts to elaborate the concept of medicine in Islam based on al-Tib al-Nawawi. It tries to explain that Islam does not merely emphasise on the question of hereafter alone but also on health, treatment as well as prevention. This is a clear proof that Islam is in line with modern medicine which in one way or another indicates that Islam itself is a way of life.*

## **PENDAHULUAN**

Kesempurnaan dan kelengkapan Islam tidak dapat dinafikan lagi. Di mana Islam adalah satu agama yang diturunkan oleh Allah s.w.t yang mencakupi segenap bidang kehidupan manusia yang sesuai serta layak untuk semua masa dan tempat. Ia meliputi bidang aqidah, ibadah, siasah, ekonomi, muamalah, jenayah dan lain-lain yang berkaitan dengan persoalan kehidupan manusia termasuklah persoalan kesihatan dan perubatan. Malah tidak ada satu pun persoalan atau permasalahan kemanusiaan, melainkan ada jawapan dan penyelesaiannya di dalam Islam.

Apabila seseorang itu melihat dengan teliti serta membuat penyelidikan terhadap al-Qur'an dan al-Hadith serta Sirah Rasulullah s.a.w. nescaya ia akan dapati persoalan kesihatan dan perubatan tidak pernah diabai, malah ia diberi perhatian yang serius oleh Islam. Konsep perubatan yang dipelopori oleh Rasulullah s.a.w yang dikenali dengan *Tib Nabawi* (rawatan Nabi) merupakan satu konsep perubatan yang lengkap meliputi setiap aspek kesihatan manusia seperti pemakanan, kebersihan, fungsi-fungsi anggota tubuh badan (Fisiologi) dan kepincangannya serta kaedah-keedah merawat dan latihan jasmani (riadah).

---

\*Pensyarah di Jabatan Al-Qur'an & Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

Malah ia mencakupi seluruh aspek kesihatan, baik yang menjurus kepada individu, masyarakat, persekitaran dan lain-lain.<sup>1</sup>

Walaupun bukanlah sebagai kitab perubatan, sebaliknya lebih merupakan sebuah kitab yang mengandungi peraturan hidup dan perundangan bagi menjamin kepentingan dan keperluan manusia di dunia dan akhirat. Namun kandungannya bersesuaian dengan prinsip ilmu saintifik moden, termasuklah ilmu perubatan. Banyak pendedahan-pendedahan baru hasil daripada kemajuan ilmu sains dan teknologi telah pun didedah oleh al-Qur'an dan al-Hadith beribus tahun yang lalu.<sup>2</sup>

Apabila kita melihat kepada konsep kesihatan sebagaimana yang dikemukakan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), kita dapat konsep tadi menjelaskan bahawa manusia yang sihat bukan sahaja bererti sihat tubuh badannya, kerana tubuh badan hanya merupakan sebahagian daripada aspek dan organ kemanusiaan. Justeru itu agar kesihatan menjadi lebih sempurna, ia hendaklah meliputi setiap bahagian daripada aspek kemanusiaan yang terdiri dari fizikal, rohani, mental dan sosial.<sup>3</sup> Konsep ini menepati konsep kesihatan yang telah digariskan oleh Islam sejak beberapa abad yang lampau.<sup>4</sup>

Bagaimana Rasulullah s.a.w berjaya meletak asas dan kaedah kesihatan yang tidak mungkin disetami melainkan dengan menggunakan alat-alat perubatan yang moden dan setelah melalui beberapa percubaan dan pengalaman yang agak lama. Tiada jawapan yang paling tepat bagi persoalan ini, melainkan dengan meneliti sepotong ayat yang berbunyi:<sup>5</sup>

*Maksudnya: "Dan tidaklah ia (Rasulullah) bercakap mengikut hawa nafsunya, tetapi ia adalah wahyu yang diwahyukan kepadanya".<sup>6</sup>*

Jawapan di atas menjelaskan bahawa Allah s.w.t yang menurunkan agama Islam yang maha suci ini Maha Mengetahui akan kepentingan dan keperluan

<sup>1</sup>Lihat Najib al-Kailani, *Fi Rihab al-Tib al-Nabawi*, Beirut, Mu'assasah al-Risalah, 1985, m.s. 7.

<sup>2</sup>Ahmad Taha, *al-Tib al-Islami*, al-Qahirah, Dar al-Utisam, t.t., m.s. 24.

<sup>3</sup>Najib al-Kailani, *op.cit.* m.s. 8.

<sup>4</sup>*Ibid.* m.s. 8-9.

<sup>5</sup>*Ibid.*

<sup>6</sup>Surah al-Najm, ayat 3 - 4.

hamba-Nya. Tidak hairanlah apabila kita dapati agama Islam merupakan satu agama yang lengkap dan sesuai untuk semua lapisan masyarakat dan bangsa serta layak untuk semua zaman dan tempat. Bagaimanapun, kebanyakan umat Islam terutamanya generasi baru, masih lagi jahil tentang warisan umat Islam. Di mana kebanyakan hasil usaha Ulama' silam dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan telah berpindah tangan ke dunia Barat melalui proses penterjemahan kepada bahasa latin.<sup>7</sup>

## DEFINISI AL-TIB

Perkataan *al-Tib* diambil dari kata asalnya *tahaba* dan kata terbitnya *al-Tib* yang dalam bahasa 'Arabnya membawa pelbagai makna. Antaranya, pemberaan, kemahiran, adat (kebiasaan), berlembut, sihir dan merawat atau mengubat tubuh badan dan jiwa.<sup>8</sup>

Sementara ilmu *al-Tib* bererti satu ilmu yang mengkaji tentang keadaan tubuh badan atau fizikal manusia dari sudut sihat dan sakitnya atau kuat dan lemahnya bertujuan menjaga kesihatan dan menghilangkan penyakit.<sup>9</sup> Seorang ahli perubatan terkenal Galene (151 - 202 S.M.) berkata, maksudnya: "*Al-Tib* ialah memelihara kesihatan dan menghilangkan penyakit".<sup>10</sup> Imam al-Shafi'i (m.204H) menyatakan ilmu *al-Tib* ialah satu ilmu mengenai jasmani atau tubuh

<sup>7</sup>Ali 'Abd Allah al-Difa', *'A'lam al-'Arab Wa al-Musilmin Fi al-Tib*, Beirut, Muassasah al-Risalah, 1983, m.s. 33 - 40. Ismail Bin Saad dll., *Pengenalan Tamadun Islam Dalam Ilmu Perubatan*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1985, m.s. 55 - 56.

<sup>8</sup>Ibn al-'Athir, *al-Nihayah Fi Gharib al-Hadith Wa al-'Athar*, tahqiq Mahmud al-Tanahi & Tahir Ahmad al-Zawi, Beirut, Dar al-Fikr, 1979, juzu' 3, m.s. 110. Hisham Ibrahim al-Khatib, *al-Wajiz Fi al-Tib al-Islami*, Jordan, Dar al-'Arqam, 1985, m.s. 13. Ibn Manzur al-'Ifriqi al-Misri, *Lisan al-'Arab*, Beirut, Dar Sadir, t.t., juzu' 1, m.s. 553- 556. 'Amir al-Najjar, *Fi Tarikh al-Tib Fi al-Daulat al-Islamiyyah*, al-Qahirah, Dar al-Ma'arif, 1987, m.s. 7. Sa'di Abu Habib, *al-Qamus al-Fiqhi*, Beirut, Dar al-Fikr, 1982, m.s. 227. Ibrahim Mustafa, Ahmad Hasan al-Zayyat dll, *al-Mu'jam al-Wasit*, Istanbul, Dar al-Da'wah, 1986, m.s. 549. Ibn Qayyim al-Jauziyah, *al-Tib al-Nabawi*, tahqiq Shu'ib dan 'Abd al-Qadir al-'Arna'ut, Beirut, Mu'assasah al-Risalah, 1986, m.s. 135 - 138. Al-Nawawi, *Tahdhib al-'Asma' Wa al-Lughat*, juzu' 2, m.s. 185. Idris al-Marbawi, *Kamus Idris al-Marbawi*, Mesir, Mathba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi, cetakan yang keempat, juzu' 1, m.s. 356.

<sup>9</sup>Abd Allah 'Abd al-Razzaq Mas'ud al-Sa'id, *al-Tib Wa Ra'idatuhu al-Muslimat*, Jordan, Maktabah al-Manar, 1985, m.s. 31 - 32.

<sup>10</sup>Tash Kubri Zadah, *Miftah al-Sa'adah Wa Misbah al-Siyadah*, juzu' 1, m.s. 302.

badan.<sup>11</sup> Ibn Sina (m. 428H) pula menyatakan ia merupakan suatu ilmu yang dapat dikenal pasti mengenai keadaan sihat dan sakit dalam tubuh manusia bertujuan untuk memelihara dan mempertahankan kesihatan yang sedia ada dan mengembalikan serta memulihkan kesihatan yang telah hilang.<sup>12</sup>

Ibn Khaldun (m. 808H) mengkategorikan ilmu *al-Tib* ke dalam klasifikasi ilmu fizikal yang membahaskan tentang organ tubuh badan dilihat dari segi gerak diamnya. Seterusnya beliau mendefinisikan ilmu *al-Tib* sebagai ilmu yang membicarakan tentang keadaan sakit dan sihat dalam tubuh badan manusia.<sup>13</sup>

Definisi di atas menjelaskan bahawa yang menjadi objek kepada ilmu perubatan ialah tubuh badan manusia dari sudut sihat dan sakitnya.<sup>14</sup>

Namun definasi *al-Tib* yang diberi di atas adalah umum mencakupi semua jenis perubatan, baik perubatan Islam ataupun tidak. Tetapi kajian ini hanya mengenai perubatan Islam atau lebih dikenali dengan nama *al-Tib al-Nabawi* yang mempunyai definasi dan ciri-cirinya yang tersendiri. Bagaimanapun ada di kalangan ahli perubatan yang menyangkal pembahagian ilmu perubatan ini kepada ilmu perubatan Islam dan bukan Islam, kerana ilmu perubatan pada asasnya mempunyai prinsip dan kaedah yang lebih kurang sama.<sup>15</sup>

‘Ulama’ mendefinisikan *Tib Nabawi* sebagai sekumpulan al-Hadith yang sabit dari Rasulullah s.a.w yang berkaitan dengan perubatan, sama ada ianya bersumberkan ayat-ayat al-Qur'an atau al-Hadith. Oleh kerana *Tib Nabawi* bersumberkan daripada al-Qur'an atau al-Hadith, maka sayugia juga ia dinamakan *Tib Islami*.<sup>16</sup> Sementara Tash Kubri Zadah mendefinisikan ilmu *Tib*

---

<sup>11</sup> Al-Baihaqi, *Manaqib al-Shafi'i*, tahqiq Sayyid Ahmad Sagar, al-Qahirah, Dar al-Turath, 1970, juzu' 2, m.s. 114.

<sup>12</sup> Ibn Sina, *al-Qanun Fi al-Tib*, tahqiq Edwar al-Qish, Beirut, Mu'assasah 'Iz al-Din, 1987, juzu' 1, m.s. 13.

<sup>13</sup> Ibn Khaldun, *Tarikh Ibn Khaldun* Beirut, Mu'assasah Jammal li al-Tiba'ah Wa al-Nashr, 1979, juzu' 1, m.s. 411 & 346. Ahmadie Thaha, *Kedoktoran Dalam Islam*, Surabaya, Indonesia, PT Bina Ilmu, 1983, m.s. 15.

<sup>14</sup> Tash Kubri Zadah, *op.cit.* juzu' 1, m.s. 302 & juzu' 2, m.s. 370.

<sup>15</sup> Amir al-Najjar, *op.cit.* m.s. 5.

<sup>16</sup> Mahmud Nazim al-Nasimi, *al-Tib al-Nabawi Wa al-'Ilm al-Hadith*, Beirut, Mu'assaaah al-Risalah, 1987, juzu' 1, m.s. 7.

*Nabawi* sebagai satu ilmu yang mengkaji tentang Hadith-hadith Rasulullah s.a.w yang berhubung dengan merawat pesakit.<sup>17</sup> Seterusnya beliau mengkategorikan ilmu *Tib Nabawi* ke dalam kategori ilmu-ilmu yang bersumberkan al-Qur'an.<sup>18</sup>

Ada juga di kalangan penulis yang menamakan *Tib Nabawi* dengan nama *Tib 'Arabi*, tetapi penamaan ini tidak begitu tepat, kerana *Tib Islami* timbul bersama kemajuan dan tamadun Islam, sedangkan bangsa 'Arab sebelum Islam tidak mempunyai ilmu perubatan yang khusus dan istimewa. Ini ditambah pula banyak daripada kalangan ahli dan tokoh perubatan Islam yang terkenal bukan daripada bangsa 'Arab seperti Ibn Sina (m. 428H = 1037M), al-Razi (m. 313H = 925M) dan 'Ali Ibn al-'Abbas al-Majusi (m. 333H = 944M).<sup>19</sup>

Sebaliknya *Tib Nabawi* adalah sebahagian dari *Tib 'Arabi* yang bermula sebelum kebangkitan Rasulullah s.a.w dan merupakan warisan nenek moyang mereka zaman berzaman. Sedangkan sejarah *Tib Nabawi* bermula selepas kebangkitan Rasulullah s.a.w. Ini bermakna *Tib 'Arabi* lebih umum daripada *Tib Nabawi*.<sup>20</sup>

Dari huraihan di atas, jelas bahawa hakikat perubatan ialah memastikan keadaan perseimbangan yang digelar kesihatan. Keadaan ini hanya dapat dipastikan sama ada dengan mencegah penyakit sebelum terkena atau merawat penyakit selepas terkena. Kedua unsur ini, iaitu mencegah dan merawat dua prinsip asas dalam ilmu perubatan yang dikenali dalam Islam sebagai *Tib Wiq'a'i* dan *Tib 'Ilahi*. Dalam hal ini Islam lebih banyak menumpukan perhatiannya kepada usaha mencegah dari merawat.<sup>21</sup>

Pendekatan yang dikemukakan oleh Islam dalam merawat penyakit (*Tib 'Ilahi*) sebagaimana dalam *Tib Nabawi* ada tiga pendekatan:

<sup>17</sup>Tash Kubri Zadah, *op.cit.* juzu' 2, m.s. 243.

<sup>18</sup>*Ibid.* juzu' 2, m.s. 370.

<sup>19</sup>Ahmad Taha, *op.cit.* m.s. 7 'Amir al-Najjar, *op.cit.* m.s. 5.

<sup>20</sup>Hisham Ibrahim al-Khatib, *op.cit.* m.s. 7. Mahmud Nazim al-Nasimi, *op.cit.* juzu' 1, m.s. 5. Ahmad Taha, *op.cit.* m.s. 7 & 23.

<sup>21</sup>Tash Kubri Zadah, *op.cit.* juzu' 2 m.s. 370 dan juzu' 1 m.s. 302. Ahmad Taha, *op.cit.* m.s. 36. Mahmud Nazim al-Nabawi, *op.cit.* juzu' 1, m.s. 7 & m.s. 116 - 117. Ismail bin Saad, *op.cit.* m.s. 104. Muhammad Ibrahim Salim, *op.cit.* m.s. 13. Muhammad Bashir, *al-Tib al-Nabawi Wa al-Tib*, al-Gadim, Saudi Arabia, 1984, m.s. 20.

1. Melalui ubat-ubat tabi'i (fizikal)
2. Melalui ubat-ubat kerohanian (metafizik)
3. Melalui hasil gabungan kedua-dua unsur di atas.<sup>22</sup>

Yang dimaksudkan dengan ubat-ubata tabi'i ialah ubat-ubat yang berunsur fizikal seperti madu lebah (honey). Madu lebah merupakan bahan yang paling popular terutamanya di zaman Rasulullah s.a.w.. Malah Rasulullah s.a.w sendiri pernah mengesyorkan kepada seorang sahabat baginda yang mengadu sakit perut. Sabdanya yang bermaksud: "*Bagilah ia minum madu*".<sup>23</sup> Kenyataan ini diperkuatkan lagi dengan firman Allah s.w.t yang bermaksud: "*Dari perutnya (lebah) keluar minuman (madu) yang bermacam-macam warnanya, di dalamnya terdapat penawar bagi manusia...*" (Surah al-Nahl: 69).

Adapun pendekatan kedua Rasulullah s.a.w ialah dengan menggunakan metafizik yang berasaskan kepada doa dan zikir seperti jampi. Rasulullah s.a.w membenarkan jampi untuk dijadikan penawar kepada penyakit. Sabdanya yang bermaksud:

*"Tidak salah dengan jampi selagi tidak mengandungi syirik"*.<sup>24</sup>

Pendekatan ketiga pula ialah dengan menggunakan penawar hasil gabungan dua unsur, iaitu unsur tabi'i dan ketuhanan sepetimana sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud: "*Hendaklah kamu berubat dengan dua ubat; Madu lebah dan al-Qur'an*".<sup>25</sup>

Sementara dalam mencegah penyakit (*Tib Wiqa'i*) pula secara umumnya Islam telah menggariskan tiga aspek utama bagi mencegah penyakit, iaitu melalui:

1. Amalan Kebersihan.
2. Amalan Pemakanan.
3. Latihan Jasmani dan Rohani (*Riadah*).<sup>26</sup>

<sup>22</sup>Ibn Qayyim, *op.cit*, m.s. 24. Hisham al-Khatib, *op.cit*, m.s. 149. Muhammad Ibrahim Salim, *op.cit*, m.s. 14.

<sup>23</sup>Hadith sahih riwayat Al-Bukhari. Lihat *Fath al-Bari*, juzu', 10, m.s. 119.

<sup>24</sup>Hadith sahih riwayat Muslim. Lihat *Sharh Sahih Muslim*, juzu', 14, m.s. 187.

<sup>25</sup>Hadith riwayat Ibn Majah. Lihat *Sunan Ibn Majah* juzu' 2, m.s. 1142.

<sup>26</sup>Abd. al-Hamid Diyab & Ahmad Qarquz. *Ma'a al-Tib fi al-Qur'an al-Karim*, Damshiq, 1982 m.s. 119. Affif Abd Fattah Tabbarah. *Ruh al-Din al-Islami*, Beirut, t.t. 430 - 446. Hisham al-Khatib, *op.cit*, m.s. 77. Al-Sayyid al-Jumaili, *I'jaz al-Tib al-Nabawi*, m.s. 8 - 9.

Amalan kebersihan sememangnya merupakan tuntutan agama yang wajib dilaksanakan oleh setiap muslim. Malah Islam amat prihatin kepada kebersihan, baik kebersihan individu, masyarakat atau alam sekitar. Kerana ia merupakan unsur terpenting dalam mencegah penyakit. Justeru itulah Islam mengaitkan amalan kebersihan dengan iman.

Sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud:

*"Kebersihan itu sebahagian dari Iman".<sup>27</sup>*

Sementara amalan pemakanan yang juga merupakan unsur terpenting dalam mencegah penyakit selain dari amalan kebersihan. Justeru itulah Islam telah meletak beberapa kaedah yang kukuh bagi menentukan makanan dan minuman yang sesuai untuk kesihatan tubuh badan.

Firman Allah s.w.t yang bermaksud:

*"Dan Ia (Allah) menghalalkan kepada mereka perkara-perkara yang baik (al-Tayyibat) dan mengharamkan perkara-perkara yang buruk (al-Khaba'ith)"*

(Surah al-A'raf: 157)

Riadah atau latihan jasmani juga amat penting dalam mencegah penyakit. Malah orang mu'min yang kuat lebih dikasihi oleh dari mu'min yang lemah sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud:

*"Orang mu'min yang kuat lebih baik dan lebih dikasihi oleh Allah dari mu'min yang lemah.".<sup>28</sup>*

Rasulullah s.a.w sendiri menggalakkan umatnya beriadah seperti memanah dan menunggang kuda. Sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud:

*"Memanahlah kamu dan tunggangilah kuda...".<sup>29</sup>*

<sup>27</sup>Hadith sahih riwayat Muslim. Lihat **Sharh Sahih Muslim**, juzu' 3, m.s. 100.

<sup>28</sup>Hadith sahih riwayat Muslim. Lihat **Sharh Sahih Muslim**, juzu' 16, m.s. 215.

<sup>29</sup>Hadith Hasan riwayat Ibn Majah, Juzu' 2, m.s. 940

## PENUTUP

Daripada penjelasan di atas dapat dibuat kesimpulan bahawa ilmu perubatan sebahagian dari ajaran Islam dan sunnah Rasulullah s.a.w. Dan sekaligus membuktikan bahawa agama Islam sebagai satu agama yang komprehensif dan universal. Kenyataan ini juga menolak dakwaan yang mengatakan Islam sebagai satu agama yang bertumpu kepada aspek kerohanian dan aspek ibadah semata-mata, malah Islam merupakan satu agama peneroka dalam segenap bidang atau disiplin ilmu termasuk ilmu perubatan.